


eksklusif



(6 Jun 2021) Harian Metro 1 p.2
BEDAH SIASAT FASA COVID-19

CABARAN MENCARI BUKTI



PASUKAN petugas bersiap sedia memakai PPE dan PAPR.



Oleh Azrul Affandi Sobry, Amir Abd Hamid dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Apa berlaku kepada mayat kes bunuh, mengalami kecederaan, kemalangan, kes mencurigakan, bunuh diri atau kematian bukan di hospital (istilahnya kes dibawa mati atau *brought in dead*) yang perlukan proses bedah siasat ketika pandemik Covid-19?

Bagi merungkai persoalan, wartawan berpeluang mengikuti langkah dalam proses itu di Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Pasukan diketuai Pakar Perubatan Forensik, Dr Ahmad Hafizam Hasmi; Pakar Radiologi, Dr Grace Wong Yi Li; Pegawai Perubatan Forensik, Dr Sara Afiah Mohd Zawawi; Pegawai Perubatan, Dr Nur Fatin Mohamed Isa; Penolong Pegawai Perubatan Forensik, Wenner Taising; Pegawai Perubatan Dr Danial Aizat Rosli dan Pegawai Sains Forensik, Nur Shazuwani Ruzlan berkongsi peluang berharga ini untuk tatapan pembaca.

Dr Ahmad Hafizam berkata, pihaknya menerima kes yang dibawa mati oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kes dibawa mati ini adalah kes kematian disiasat polis. Kes dihantar ke IPFN untuk pemeriksaan mayat mengikut Kanun Acara Jenayah untuk tujuan siasatan polis bagi perundangan dan keadilan.

"Ia kes yang disiasat kerana kematian mengejut, kemalangan, kes bunuh dan juga kes yang mencurigakan.

"Semasa pandemik Covid-19, cabaran dihadapi dalam pengendalian pemeriksaan mayat kes polis ialah ada risiko kes dibawa mati itu menghidap Covid-19.

"Oleh itu, kes dibawa ini akan menjalani saringan Covid-19

dan pemeriksaan Imbasan CT Postmortem," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Metro Ahad.

Menurut beliau, bagi kes bukan menghidap Covid-19, ia akan menjalani proses bedah siasat secara biasa.

Beliau berkata, proses bedah siasat untuk kes dibawa mati positif Covid-19 dilakukan selepas disahkan menerusi ujian saringan RT-PCR dan imbasan CT Postmortem.

Namun jika tanpa unsur jenayah atau tidak mencurigakan, ia hanya akan menjalani pemeriksaan luaran sahaja.

"Jika hasil imbasan menunjukkan keradangan paru-paru dan ia berpadanan akibat Covid-19 serta tiada apa-apa kecederaan dalaman, doktor forensik akan menjalankan pemeriksaan luaran sahaja untuk memastikan tiada kecederaan pada tubuh badan si mati selain tidak melakukan bedah siasat dalaman.

"Imbasan CT Postmortem dijalankan Juru X-ray di Postmortem CT Control Room dan dapat imbasan CT ini dilaporkan Pakar Radiologi Forensik," katanya.

Menurutnya, Pakar Radiologi Forensik akan melihat imej imbasan CT Postmortem untuk mengesan kecederaan dalaman seperti retak tengkorak, kepatahan tulang dan cedera organ dalaman.

Ia juga akan mengesan penyakit yang boleh dikesan melalui imbasan CT seperti keradangan paru-paru, pendarahan otak (*stroke*) dan penyakit arteri koronari.

Namun, katanya, ada kes positif Covid-19 yang perlu menjalani pemeriksaan dalaman seperti kes kematian yang mencurigakan, kes bunuh dan juga bunuh diri.

"Bagi kes seperti ini, bedah siasat dijalankan di dalam bilik bedah siasat *Biosafety Level 3*.


"Dua pasukan terlibat dalam bedah siasat iaitu pasukan bedah siasat dan pasukan bantuan"
Dr Hafizam

PROSEDUR BEDAH SIASAT MAYAT COVID-19

DONNING:

Pemakaian pakaian perlindungan diri (PPE) level 3 lengkap dengan sistem pernafasan peribadi (PAPR)

- Terdiri daripada topeng muka pembedahan, suit coverall, apron plastik, dua lapisan sarung tangan pembedahan, PAPR, sarung kaki dan but getah.
- Proses pemakaian PPE akan diselia dan diperiksa oleh pasukan bantuan.




DOFFING:

Proses tanggalkan/lucut pakaian perlindungan diri (PPE) level 3 lengkap dengan sistem pernafasan peribadi (PAPR)

- Proses doffing dilakukan seorang demi seorang anggota pasukan bedah siasat selepas selesai bedah siasat di dalam ruang khas di antara bilik bedah siasat BSL 3 dan ruang luar. Pintu keluar turut diletakkan sebekas cecair pembasmi kuman untuk dipijak.

- Proses ini perlu mematuhi langkah-langkah ditetapkan. Ia akan dipantau oleh seorang anggota pasukan bantuan dari cermin kaca bagi memastikan petugas mengikuti langkah-langkah dan aturan doffing yang betul bagi mengelakkan penularan melalui proses kerja.

- Ini kerana terdapat risiko jangkitan kepada petugas jika proses doffing tidak mengikut aturan dan tatacara ditetapkan.



MAYAT:

- Mayat Covid-19 yang hendak diperiksa dibawa masuk ke dalam bilik BSL 3 melalui peti mayat khas bersambung terus dengan BSL 3.

- Peti mayat mempunyai pintu di luar bilik BSL 3 dan bersambung pintu di dalam bilik BSL 3. Ini akan mengurangkan pergerakan untuk membawa mayat masuk dan keluar dari bilik BSL 3.

- Proses bedah siasat kes risiko tinggi perlu dijalankan dengan berhati-hati tetapi tidak terlalu lama di dalam bilik BSL 3.

- Mayat akan diperiksa secara luaran, dibedah dan organ dalam diperiksa serta, spesimen akan diambil untuk analisa.

"Bilik ini adalah bilik bedah siasat tekanan negatif (tekanan udara di dalam bilik lebih rendah daripada udara persekitaran, kedap udara serta mempunyai sistem pengudaraan yang berdiri sendiri.

"Udara keluar dari bilik disedut keluar dan ditapis menerusi tapisan udara partikel keberkesanan tinggi (Hepa)," katanya.

Penggunaan bilik itu, katanya, bagi memasti-

kan organisme berbahaya seperti SARS-CoV-2 yang menyebabkan Covid-19 tidak terbebas ke udara persekitaran.

Menurut beliau, dua pasukan terlibat dalam bedah siasat iaitu pasukan bedah siasat dan pasukan bantuan.

"Pasukan bedah siasat adalah pasukan yang menjalan-



FOTO: EIZAIRI SHAMSUDIN



PASUKAN petugas memulakan proses bedah siasat.

kan bedah siasat secara langsung dalam bilik BSL 3.

"Pasukan terdiri daripada empat orang iaitu seorang pakar perubatan forensik, dua pegawai perubatan forensik dan penolong pegawai perubatan forensik. Pasukan bedah siasat memakai PPE (alat pelindung diri level 3) lengkap dengan sistem pernafasan peribadi PAPR (*Powered Air Purifying Respirator*).

"PPE level 3 ini penting bagi melindungi petugas menjalani bedah siasat. Ini kerana bedah siasat adalah proses yang menghasilkan aerosol, dikuatirinya boleh menularkan SARS-CoV-2 kepada petugas," katanya.

Seorang daripada pasukan bedah siasat itu pula bersih kerana tidak menyentuh mayat. Beliau bertugas merakam gambar proses bedah siasat serta menjadi perantara komunikasi dengan menggunakan *walkie talkie* dengan pasukan bantuan di luar bilik BSL 3.

Pasukan bantuan pula, katanya, adalah pasukan di luar bilik BSL3 dan memantau proses bedah siasat melalui cermin pemerhatian.

Dr Ahmad Hafizam berkata, pasukan bantuan terdiri daripada pakar perubatan, pegawai perubatan, pegawai sains forensik dan penolong pegawai

perubatan forensik. Mereka berkomunikasi melalui *walkie talkie* atau interkom.

"Pasukan bantuan akan urus spesimen/peralatan diperlukan pasukan bedah siasat yang akan dihantar melalui ruang penghantaran khas hanya muat tangan.

"Pasukan bantuan juga bertugas gantian jika berlaku masalah kepada seorang petugas bedah siasat," katanya.

Selain itu, katanya, pasukan bantuan juga menyelia dan memeriksa proses pemakaian (*donning* dan *doffing*) pasukan bedah siasat," katanya.



ATK 1 pasukan yang bertugas dalam proses bedah siasat IPFN.